

# Dr. Mahathir rasmi kursus penerangan ahli UMNO hari ini

um 11 JAN 2000

KUALA LUMPUR 10 Jan. — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dijadual merasmikan kursus penerangan kepimpinan khusus untuk ahli-ahli UMNO esok dalam usaha memberi semangat baru kepada mereka selepas pilihan raya umum lalu.

Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO dijangka turut menceritakan pengalaman beliau tentang asal usul UMNO kepada ahli-ahli parti bagi membangkitkan semula semangat perjuangan parti.

Mengulas perkara itu, Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, beliau menaruh keyakinan kursus yang dirangka seumpama itu dapat menyuntik kembali semangat perjuangan di kalangan ahli UMNO.

“Ia bertujuan untuk menyedarkan ahli-ahli tentang perjuangan, asal-usul dan kesetiaan kepada parti,” kata Abdul Kadir kepada pemberita pada majlis rumah terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri di kediamannya di sini hari ini.

Dalam pada itu Abdul Kadir berkata, beliau telah menyerahkan satu kertas kerja kepada MT tentang kod etika pemilihan UMNO tahun lalu bagi memastikan ia dijalankan secara beretika.

Kod etika itu antara lain

menggariskan beberapa cadangan bagaimana untuk menghapuskan perkara-perkara buruk, termasuk politik wang dalam pemilihan parti itu.

Baru-baru ini, Dr. Mahathir telah mengingatkan anggota UMNO yang bertanding untuk jawatan Naib Presiden dan Majlis Tertinggi pada pemilihan 11 Mei ini supaya jangan menggunakan wang bagi menagih sokongan.

Sebaliknya, Dr. Mahathir meminta mereka bertanding “dengan tertib dan bersopan.”

## Bertanding

Nasihat itu turut ditujukan kepada anggota parti yang berkempen untuk calon mereka yang bertanding.

Sementara itu, Abdul Kadir yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan berkata, sikap ahli-ahli yang mengutamakan kepentingan peribadi daripada perjuangan parti merupakan antara punca kelemahan UMNO ketika ini.

Selain itu, kata beliau, ia turut berpunca dari sikap ahli UMNO yang semakin mengejar kemewahan daripada perjuangan asal parti itu.

Beliau menambah, keadaan itu diburukkan lagi dengan komitmen perjuangan yang semakin pudar dan sambil lewa di kalangan ahli UMNO.